

23 FEB 1999

ISLAM-PESAWAT

D-8 BANGUN PESAWAT RINGAN PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Kumpulan lapan negara Islam sedang membangun (D-8) telah membangunkan sebuah pesawat udara ringan prototaip bagi kegunaan di dalam pertanian, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata hari ini.

Katanya pesawat itu yang dijadual menjalani penerbangan ujian sulungnya pada September depan di Turki merupakan kemajuan penting oleh perkumpulan berorientasikan projek itu walaupun hanya ditubuhkan 16 bulan lalu.

"Aeroangkasa Malaysia boleh membekalkan komponen-komponen dan alat-alat ganti termasuk tayar, rangka pesawat dan avionik kepada projek itu," katanya semasa taklimat mengenai sidang kemuncak kedua akan datang negara-negara D-8 di Bangladesh.

Dengan usaha Malaysia ke arah menjadi pusat perkhidmatan bagi industri aeroangkasa di rantau ini, ia boleh memberi sumbangan besar kepada projek itu, salah satu di antara enam yang dikenal pasti oleh D-8 pada sidang kemuncaknya yang lalu dan ditugaskan kepada Turki.

"Ini adalah sesuatu yang bukan mustahil, kita bersifat pemangkin," katanya memandangkan kritikan yang kononnya perkumpulan yang muda itu akan runtuh seperti banyak kumpulan lain yang menjadi bahan bualan sahaja.

"Kita hanya mengenal pasti dan menerima projek-projek yang boleh dilaksanakan dan boleh diuruskan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara pemimpin-pemimpin yang menyokong dengan tegas pembentukan D-8, dijangka berlepas Ahad ini untuk menghadiri sidang dua hari itu mulai 1 Mac di Dhaka.

Ia akan didahului dengan mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan menteri-menteri luar. Syed Hamid akan berlepas Jumaat ini.

Katanya Malaysia, yang ditugaskan bagi sektor kewangan dan perbankan Islam dengan penekanan kepada insurans secara Islam atau perniagaan Takaful, kini diminta oleh anggota-anggota lain mengemukakan satu kertas kerja mengenai takaful semula atau insurans semula Islam.

Ini timbul daripada kejayaannya dalam menubuhkan skim-skim takaful usaha sama, seperti di Indonesia melalui Syarikat Takaful Malaysia Bhd, dengan syarikat tersebut juga telah membantu menubuhkan sebuah syarikat takaful di Brunei.

Malahan negara-negara bukan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), seperti Brunei, Sri Lanka dan Afrika Selatan telah menunjukkan minat, katanya.

Di Sri Lanka, syarikat takaful yang pertama diperbadankan dengan bantuan teknikal dan pengurusan Malaysia.

Berikutan kejayaan seminar tiga hari di sini pada April tahun lalu untuk memupuk penubuhan skim-skim Takaful termasuk usaha sama, katanya Malaysia akan terus membantu menganjurkan seminar-seminar dan kursus-kursus latihan yang serupa.

Dengan lebih 800 juta orang di kalangan negara D-8, terdapat skop yang luas untuk membangunkan perniagaan takaful, "tetapi kita perlu menggunakan potensi setiap negara supaya memupuk minat yang lebih besar terhadapnya," katanya.

Syed Hamid turut memaparkan potensi bagi perdagangan yang meningkat melalui kemudahan lebih besar dengan mengurangkan prosedur-prosedur berlebihan.

Sebagai contoh, daripada keseluruhan perdagangan Malaysia berjumlah

RM515 bilion tahun lalu, negara-negara D-8 menyumbang lebih RM17 bilion atau hanya 3.2 peratus, katanya.

Katanya sektor-sektor keutamaan lain yang dikenal pasti oleh D-8 pada sidang kemuncak yang pertama di Istanbul pada Jun 1997 ialah mempermudah perdagangan, yang ditugaskan kepada Mesir, dan pembanterasan kemiskinan dan pembangunan sumber manusia (Indonesia).

Pertanian juga dikenal pasti dengan penekanan ke atas akuakultur (Pakistan) dan telekomunikasi dengan Iran ditugaskan untuk membantu menyelaras penubuhan sebuah rangkaian bank data.

Syed Hamid berkata sidang kemuncak itu akan melahirkan deklarasi Dhaka yang akan terus menumpukan kepada kerjasama lebih besar di kalangan negara-negara Islam sedang membangun melalui projek-projek yang konkrit.

-- BERNAMA

MR OS MA